

11 NOV 2000

Samy-Calon

PERDANA MENTERI SETUJU CALON YANG DIKEMUKAKAN MIC

BUKIT MERTAJAM, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan calon yang dicadangkan oleh MIC untuk bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, kata Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu

Beliau berkata, cadangan nama calon itu telah dikemukakan dalam satu perjumpaan antara beliau dan Perdana Menteri semalam.

Pengumuman rasmi mengenai calon MIC itu akan dibuat sendiri oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain tidak lama lagi dan persiapan Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi pilihan raya kecil Lunas itu akan diteruskan, katanya.

"Calon yang dicadangkan oleh MIC adalah seorang profesional dari kalangan anggota parti dan dilahirkan di Sungai Petani," katanya kepada pemberita selepas menziarahi isteri bekas Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Lunas, Dr Joe Fernandez yang ditembak mati Sabtu lalu di sini, hari ini.

Samy Vellu berkata, MIC telah membuat pelbagai persiapan dan telah bersedia untuk menghadapi pilihan raya kecil kawasan itu dan yakin dapat memenangi pilihan raya kecil itu.

Bilik gerakan telahpun dibuka selain telah mengenal pasti tenaga kerja yang akan digunakan bagi menghadapi pilihan raya kecil itu.

Samy Vellu tidak menolak kemungkinan, pilihan raya kecil kawasan Lunas turut dipengaruhi rasa simpati pada pengundi berhubung kes kematian wakil rakyatnya.

"Saya suka menjelaskan kepada masyarakat India, kita bukan rakyat kelas tiga seperti yang didakwa oleh Parti Keadilan dan pelbagai bantuan kepada masyarakat India telah diberikan oleh Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional (BN)," katanya.

Beliau meminta pengundi masyarakat India supaya tidak terpengaruh dengan muslihat pembangkang dalam memancing undi.

"BN bukan parti yang hanya bekerja bila ada pilihan raya tapi kita kerja tiap-tiap hari," katanya.

Samy Vellu berkata, beliau juga telah berbincang dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin mengenai pembangunan dan kemajuan kawasan berkenaan dan apajua projek atau rancangan yang dibuat semasa mendiang Dr Fernandez berkhidmat akan tetap diteruskan.

Sementara itu, mengenai pembunuhan Dr Fernandez, Samy Vellu berkata beliau akan mengadakan perjumpaan dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norain Mai, Isnin ini bagi mengetahui perkembangan mengenai siasatan pembunuhan Dr Fernandez.

Kesalahan membunuh merupakan kesalahan yang besar dan boleh terjadi kepada sesiapa sahaja oleh itu siasatan secara mendalam dan berterusan yang dijalankan oleh polis akan dapat menangkap orang yang bertanggungjawab dan dihadapkan ke muka pengadilan.

Samy meluangkan masa hampir sejam menemui isteri mendiang Dr Joe Fernandez, Dr Rosmary Lourdes dan anaknya Ophelia Anne di rumah mendiang di Bukit Mertajam dan meyampaikan takziahnya.

-- BERNAMA

NER PR